



www.saujana.sg

## SIRI MARI DENGAR CERITA : BUKAN REZEKI KITA

---

GRAM BRING UP THEME MUSIC.....UNDER .....FOR.....

NARRATOR 1] Siri Mari Dengar Cerita. Cerita kita kali ini bertajuk 'Bukan Rezeki Kita'.

GRAM BRING UP..... UNDER .....FADE OUT.

NARRATOR 2] Murid-murid.. .kamu mungkin pernah mendengar cerita Anjing dengan bayang-bayang. Cerita tersebut mengisahkan tentang seekor anjing yang ingin merebut tulang di mulut seekor anjing lain di permukaan sungai. Setelah anjing tersebut terjun ke dalam air, barulah anjing itu menyedari bahawa anjing yang dilihatnya di permukaan sungai itu, bayang-bayang sendini.

Cerita yang akan kamu dengari nanti, mengisahkan ketamakan juga. Mahukah kamu mendengarnya? Jika demikian, ikutilah kisah yang kami beri tajuk (SEDIKIT MENINGGI) 'Bukan Rezeki Kita'.

GRAM BRING UP MUSIC..... UNDER.....FADE OUT.

NARRATOR 3] Pada zaman dahulu, di pinggir sebuah bukit, tinggal penggembala kambing bernama Pak Kahar. Pak Kahar dan keluarganya telah menetap di situ sejak sepuluh tahun yang lalu. Kehidupan mereka tidaklah begitu susah. Pak Kahar menyara keluarganya dengan menjual kambing-kambing peliharaannya. Kambing-kambing peliharaannya amat digemari oleh orang ramai kerana kambing-kambing yang

dijualnya gemuk-gemuk belaka. Pak Kahar memberi kambing-kambingnya makan rumput yang diambilnya di

puncak bukit itu. Selalunya Pak Kahar menyabit rumput pada waktu dinihari kerana katanya rumput-rumput kelihatan segar. Dan inilah yang membuat kambing-kambingnya gemuk.

GRAM		BRING UP MUSIC..... UNDER.....FADE OUT.
SOUND EFFECT		BUNYI CENGKERIK BAGI MENGGAMBARAKAN MALAM.
MAK MAYANG	4]	Bang Kahar. . .Bang Kahar. . . .bangunlah, waktu sudah dinihari...
PAK KAHAR	5]	(MENGGELIAT SEPERTI ORANG BANGUN TIDUR) Ah.....Mayang, isteriku....sudahkah kausiapkan barang-barang yang hendak kubawa?
MAK MAYANG	6]	Sudah bang... sabit, tali dan sebotol air kopi telah saya masukkan ke dalam bakul besar itu...
PAK KAHAR	7]	Bagaimana dengan pelita?
MAK MAYANG	8)	Saya fikir abang tidaklah perlu membawa pelita kerana bulan mengambang penuh.....cahayanya cukup terang.....
PAK KAHAR	9]	Benar katamu Mayang....sekarang biarlah aku mandi dahulu.
MAK MAYANG	10]	Baiklah Bang....
GRAM		BRING UP MUSIC..... UNDER.....FADE OUT.

- NARRATOR 11] Murid-murid... .maka berangkatlah Pak Kahar ke puncak bukit itu untuk menyabit rumput. Dengan memikul bakul besar dibelikatnya, Pak Kahar terpaksa berjalan selama satu jam untuk sampai ke puncak bukit. Setibanya di situ, Pak Kahar segera menyabit rumput. Setelah bakulnya penuh dengan rumput, dia pun pulang. Di pertengahan jalan, dia terlihat cahaya yang amat terang di sebelah barat bukit itu.....
- PAK KAHAR 12] (BERASA KEHAIRANAN) Cahaya apakah yang memancar di situ? Cahayanya terang benderang dan berkilat-kilat pula. Setahu aku, tidak pernah seorang pun sampai ke tempat itu. Baik aku pergi ke sana....!
- GRAM BRING UP SUSPENCE MUSIC..... UNDER..... FADE OUT.
- PAK KAHAR 13] (BERTAMBAH HAIRAN) Wah! emas rupanya..... siapakah pemilik jongkong-jongkong emas ini? Jongkong-jongkong emas ini seolah-olah diatur dengan rapi di atas tanah lapang ini. Tentu ada orang di sekitar ini.....
- NENEK TUA 14] (TERKETAR-KETAR KERANA KETUAAN) Cucu....!
- PAK KAHAR 15] (TERPERANJAT) Oh.....terperanjat saya dibuatnya..... Tadi saya lihat, tidak ada orang di sekitar kawasan ini! Tiba-tiba nenek muncul di belakang saya!
- NENEK TUA 16] Maafkanlah nenek, cu....
- PAK KAHAR 17] Siapakah nenek? Saya tidak pernah melihat nenek di sini! Dan mengapa emas-emas ini diletakkan di atas tanah lapang ini.....?

- NENEK TUA 18] Cu.....Janganlah engkau tanya siapa nenek ini tetapi ketahuilah emas-ernas ini kepunyaan nenek!
- PAK KAHAR 19] Wah! Kalau begitu nenek seorang yang kaya-raya!
- NENEK TUA 20] Cu.....Setahun sekali ketika bulan mengambang penuh, Nenek akan menjemur ernas-emas kepunyaan nenek ini supaya kelihatan lebih berkilat. Kau sungguh beruntung, cu .....Oleh kerana engkau telah melihat emas-emas in maka aku akan menghadiahi engkau sejongkong emas ini tapi dengan satu syarat!
- PAK KAHAR 21] Syarat apakah itu, nek?
- NENEK TUA 22] Janganlah engkau khabarkan kepada sesiapa pun perihal engkau menemui aku dan emas-emasku ini!
- PAK KAHAR 23] Baiklah nek, saya berjanji.....!
- NENEK TUA 24] Kalau demikian, ambillah sejongkong emas ini dan kemudian pulanglah segera ke rumahmu!
- PAK KAHAR 25] Terima kasih nek....!
- GRAM BRING UP MUSIC..... UNDER..... FADE OUT.
- NARRATOR 26] Setelah mengambil sejongkong emas itu, Pak Kahar pulang. Dia sentiasa menoleh ke belakang melihat cahaya emas yang berkilau-kilauan itu. Apabila hampir tiba di rumahnya.....
- PAK KAHAR 27] Baik aku berpatah balik ke tempat nenek tua itu. Aku cuba minta beberapa jongkong emas lagi.....Moga-moga nenek tua itu akan menunaikan permintaan aku. Aku akan berpura-pura susah.....

NARRATOR 28] Murid-murid.....Pak Kahar pun pergilah menemui nenek tua itu lagi. Ketika dia tiba di situ, nenek tua itu sedang tidur di bawah sebatang pokok.

PAK KAHAR 29] Nek.....oh, nek!

NENEK TUA 30] Oh.....kau lagi!

PAK KAHAR 31] Begini nek....! Berilah saya beberapa jongkong emas ni lagi, nek.....Kehidupan saya susah nek.....bak kata orang: kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, nek! Saya mempunyai seorang isteri dan dua orang anak nek....! Dengan pemberian nenek nanti, tentu dapat mengubah kehidupan saya nek!

NENEK TUA 32] Benarkah katamu itu, cu.....

PAK KAHAR 33] Benar nek.. .saya tidak bohong, nek!

NENEK TUA 34] Kalau sudah demikian, ambillah tiga jongkong emas ini lagi cu.....!

PAK KAHAR 35] (GHAIRAH) terima kasih nek! terima kasih!

NENEK TUA 36] Tapi ingat cu.. .pesan nenek tadi! Janganlah cucu beritahu sesiapa pun tentang emas in.....dan janganlah cucu datang ke sini lagi....!

PAK KAHA 37] Baiklah nek...!

GRAM BRING UP MUSIC..... UNDER.....FADE OUT.

NARRATOR 38] Setelah mengambil tiga jongkong emas dan meletakkan di dalam bakulnya, Pak Kahar pun pulang. Di pertengahan jalan, hampir dengan sebatang sungai....

SOUND EFFECT BUNYI AIR SUNGAI MENGALIR DERAS

PAK KAHAR 39] (BERKATA SENDIRIAN) Tadi, sewaktu aku tiba, nenek tua itu sedang tidur....Kalaupun aku ambil emas-emasnya, tentu nenek tua itu tidak akan mengetahuinya. Ya....baik aku ke sana lagi....aku akan curi beberapa jongkong emas lagi....Tapi.... (JEDA) Jika aku bawa isteriku bersama, tentu dia boleh membawa beberapa jongkong emas lagi..... Ya, aku akan bawa Mayang.....(KETAWA) dan aku akan bawa anak-anakku juga....Mungkin mereka boleh membawa sejongkong dua emas itu. Dan aku pula akan bawa kereta sorongku.....Dengan kereta sorong itu, aku boleh mendapat lebih banyak emas! Baik aku segera pulang dankejut mereka... .Tapi, empat jongkong emas di bakulku mungkin menyukarkan aku segera sampai ke rumahku. . . . Baik aku lontarkan emas-emas ini ke dalam sungai.... Dengan demikian, aku boleh berlari ke rumahku!

SOUND EFFECT BUNYI BARANG BERAT JATUH KE DALAM SUNGAI.

GRAM BRING UP MUSIC..... UNDER.....FADE OUT.

PAK KAHAR 40] (TERGOPOH-GAPAH) Mayang.....mayang! cepat bangun Mayang!

MAYANG 41] (KEHAIRANAN) Mengapa bang.....mengapa abang tergo poh-gapah begini?

PAK KAHAR 42] Cepat mayang.....cepatkejutkan Bahari dan Jelita!

MAYANG 43] Tapi, mengapa bang?

- PAK KAHAR 44] Aku jumpa emas, Mayang! Aku jumpa emas!
- MAYANG 45] Jumpa emas?
- PAK KAHAR 46] Ya Mayang....! cepatlah kejutkan anak-anak kita itu!
- MAYANG 47] Baik, bang!
- PAK KAHAR 48] Cepat Mayang..
- BAHARI 49] Ayah....mengapa kejutkan kami pada pagi buta ini!
- JELITA 50] Ayah,,,,Jelita mengantuklah ayah! Jelita nak tidurlah, ayah.
- PAK KAHAR 51] Jangan banyak bicara Bahari, Jelita.....Ayah jumpa emas!  
Marilah kita segera ambil emas-emam itu!
- BAHARI 52] Jumpa emas? benarkah ini, ayah!
- PAK KAHAR 53] Benar Bahari, Jelita...kau berdua bawalah bakul-bakul itu. Biar ibu membawa bakul yang besar dan ayah pula membawa kereta sorong kita.....!
- JELITA/BAHARI 54] Baiklah ayah!
- PAK KAHAR 55] eh...! ke mana pula kereta sorong kita, Mayang?
- MAYANG 56] Kan kereta sorong itu abang letakkan di tepi kandang kambing kita.....
- PAK KAHAR 57] Oh ya...! Baik aku ambil kereta sorong itu...!

- MAYANG 58] Bang.. lebih baik kita bawa pelita....hari sudah mula Gelap....bulan yang mengambang tadi sudah dilitupi awan!
- PAN KAHAR 59] Kalau begitu.....cepat pasang pelita.....biar aku ambil kereta sorong itu
- GRAM BRING UP MUSIC..... UNDER.....FADE OUT.
- NARRATOR 60] Maka berbondong-bondonglah mereka berlari ke tempat emas itu. Pak Kahar dengan kereta sorongnya jauh ke hadapan, diikuti oleh Mak Mayang sambil menyeret bakul besar sementara Bahari pula berlari di belakang sambil memimpin tangana adiknya, Jelita. Hampir di tempat emas-emas itu, Pak Kahar lihat cahaya yang berkilauan tadi sudah mula malap....dan lama-kelamaan cahaya itu menghilang....Apabila dia sampai ke situ, emas-emas itu sudah tiada lagi
- MAYANG 61] Bang....di mana emas-emas itu, bang?
- BAHARI 62] Ya, ayah.....di mana ayah jumpa emas-emas itu?
- PAK KAHAR 63] (MENGELUH) Sudahlah Mayang. . . . sudah bukan rezeki kita.
- MAYANG 64] Apa maksud abang?
- JELITA 65] Mak. . . mungkin ayah hendak membohongi kita!
- PAK KAHAR 66] Tidak Jelita... . sesungguhnya ayah temui emas-emas itu di sini.....kamu semua, marilah dekat kepadaku...biarlah ayah ceritakan satu persatu.....

GRAM BRING UP FLASHBACK MUSIC.....UNDER.....FADE OUT.

PAK KAHAR 67] Begitulah ceritanya.....

MAYANG 68] Abang terlalu tamak. . . saya rasa dengan empat jongkong emas itu sahaja sudah cukup memadai.....

BAHARI 69] Bahari rasa dengan sejongkong emas pemberian nenek tua itu pun sudah mencukupi.....hidup kita pun boleh bertambah senang.....

JELITA 70] Sia-sia sahaja ayah keluar pagi ini. . . . sudahlah emas-emas ayah tak dapat.....rumput yang ayah sudah sabit tadi pun ayah buang ke dalam sungai.....Apa yang kambing-kambing kita hendak makan sebentar nanti?

PAK KAHAR 71] Sudahlah.....mungkin sudah bukan rezeki kita.....! marilah kita pulang.....!

GRAM BRING UP MUSIC..... UNDER.....FADE OUT.

NARRATOR 72] Demikianlah murid-murid cerita Pak Kahar yang tamak itu. Kerana ketamakannya, dia mendapat kerugian. Mahukah kamu menjadi seperti Pak Kahar? Ingat murid-murid..... Sifat tamak selalu dibenci orang. Sekian cerita kita kali ini, sehingga bertemu lagi, dengarilah pantun pusaka kita ini:

Dalam semak ada duri,  
Ayam kuning buat sarang;  
Orang tamak selalu rugi,  
Macam anjing dengan bayang.

GRAM BRING UP..... UNDER .....FADE OUT.

---

mohamed naim daipi  
10 Jun 1986

## BUKAN REZEKI KITA

---

### SOALAN-SOALAN KEFAHAMAN

Murid-murid.....kamu telah mendengar cerita yang bertajuk ‘Bukan Rezeki kita’, sekarang, cuba kamu jawab soalan-soalan yang akan saya ajukan ini:

- SOALAN PERTAMA            Bagaimana Pak Kahar menyara hidupnya sekeluarga?
- SOALAN KEDUA            Bila dan di mana Pak Kahar menyabit rumput?
- SOALAN KETIGA            Apakah yang dilihat oleh Pak Kahar di tempat cahaya yang terang benderang itu?
- SOALAN KEEMPAT        Berapa jongkong emaskah yang diberi oleh nenek tua itu kepada Pak Kahar pada mulanya?
- SOALAN KELIMA         Mengapa Pak Kahar membuang empat jongkong emas itu ke dalam sungai?

### SOALAN-SOALAN PETIKAN DIALOG

Sekarang cuba kamu dengar petikan dialog ini, kemudian jawab soalan- soalan yang akan saya kemukakan nanti.

- SOALAN KEENAM            Dengar dialog ini:
- Bang Kahar.....bang Kahar....Bangunlah, waktu sudah dinihari....(RUJUK WAWANKATA 4)
- Siapakah yang membangunkan Pak Kahar dan mengapa dia berbuat demikian?
- SOALAN KETUJUH         Dengar petikan dialog ini:
- Cahaya apakah yang memancar di situ? Cahayanya terang benderang dan berkilat-kilat pula..... (RUJUK WAWANKATA 12)

Siapakah yang menuturkan dialog tersebut dan cahaya apakah yang dilhatnya?

SOALAN KELAPAN

Dengar dialog ini pula:

Oleh kerana engkau telah melihat emas-emas ini, maka aku akan menghadiahkan engkau sejongkong emas ini tetapi dengan satu syarat....(RUJUK WAWANKATA 20)

Siapakah yang berkata dan syarat apakah yang dikatakannya itu?

SOALAN KESEMBILAN

Dengar petikan dialog ini pula:

Ya Mayang.....! Cepatlah kejutkan anak-anak kita itu. (RUJUK WAWANKATA 46)

Berapa ramaikah anak mereka dan siapakah nama anak-anaknya?

SOALAN KESEPULUH

Dengar dialog ini:

Sudahlah.....mungkin sudah bukan rezeki kita....! Marilah kita pulang.....! (RUJUK WAWANKATA 72)

Siapakah penutur dialog tersebut dan mengapa dia menuturkannya?